

PEMBANGUNAN MODAL INSAN HOLISTIK MENERUSI AKTIVITI KOKURIKULUM POLITEKNIK: SOROTAN LITERATUR

**Nurul Haerani bt Mohamad, Ahmad Bin Esa, Zalina Aishah Bt Hj Abd
Aziz**

haeranimohamad@gmail.com

ahmad@uthm.edu.my

zalinaaishah87@gmail.com

ABSTRAK

Pembentukan modal insan merupakan satu usaha ke arah melahirkan insan mahasiswa yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, memiliki jati diri, beretika, mempunyai pendidikan, terlatih dan mempunyai pekerjaan yang sewajarnya. Pendekatan perlu bercorak holistik dan memberi penekanan kepada pembangunan pengetahuan, kemahiran serta modal intelektual. Pembentukan pelajar yang holistik memerlukan penglibatan dalam kedua-dua bidang akademik dan kokurikulum. Penglibatan dalam program bukan akademik secara tidak langsung dapat mengimarahkan aktiviti kehidupan kampus. Walau bagaimanapun, ramai pihak beranggapan kegiatan kokurikulum tidak penting dan banyak membuang masa berbanding kegiatan yang melibatkan akademik. Dalam kertas kerja ini akan dibincangkan berkenaan pembentukan diri pelajar yang holistik dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor dominan yang menyumbang kepada pembangunan holistik pelajar (HSD) sepanjang proses pelaksanaan aktiviti kokurikulum politeknik di samping meninjau kesan-kesan aktiviti kokurikulum yang disertai para pelajar politeknik dalam menggalakkan kemajuan HSD.

Kata Kunci: Pembangunan Modal Insan Holistik, Kokurikulum

ABSTRACT

Human capital development is an effort to produce good students who are knowledgeable, skilled, innovative, identity, ethical , educated , trained and have a work accordingly. The approach should be oriented holistically and emphasize the development of knowledge, skills and intellectual. Holistic development requires the involvement of students in both academic and co-curricular activities . Involvement in non-academic programs indirectly enliven student's life on campus. However, many people think that students involvement through extra-curricular activities are not important and waste a lot of time compared to the activities involving academic. This paper will discuss the holistic student development from the physical, emotional , spiritual , intellectual and social aspect. Therefore, this study was undertaken to investigate the dominant factors that contribute to the holistic student development during the implementation process of extra-curriculum activities in polytechnic in addition to reviewing the effects of extra-curricular activities among polytechnic's students in promoting the holistic student development.

Keywords : Holistic Human Capital Development;
Co-curricular

PENGENALAN

Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Modal insan yang ingin dihasilkan perlu mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan dunia global yang sering berubah-ubah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Dalam alaf baru ini, peranan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) semakin mencabar di mana IPTA dan IPTS ini sentiasa bersaing bagi menyediakan tempat yang ideal untuk para pelajar bagi menuntut ilmu pengetahuan, di samping menjadi pusat atau sumber yang mampu menghasilkan tenaga kerja yang produktif untuk keperluan masyarakat (Aziah, Sufean & Abdul Ghani, 2007). Tindakan ini dilihat sebagai memenuhi tanggungjawab kepada negara kerana kemajuan dalam kualiti modal insan (*human capital*) merupakan komponen yang amat penting dalam pengwujudan dan penambahan modal yang dimiliki oleh negara (Sufean, 2002). Walau bagaimanapun, modal insan yang dibangunkan perlulah berkualiti secara holistik iaitu memiliki kecekapan generik dan kecekapan dari segi subjek secara spesifik (*soft and hard competencies*) yang beroperasi dalam domain

afektif dan kognitif. Kesungguhan untuk membangunkan modal insan negara jelas dizahirkan melalui Pembangunan Holistik Pelajar (HSD) menerusi Projek Agenda Kritikal (CAP), Pelan Strategik Pengajian Tinggi Kebangsaan (PSPTK) 2007-2010. Penekanan pelaksanaan diletakkan kepada konteks kokurikulum memandangkan ia mempunyai elemen ilmu praktikal dan ilmu falsafah yang menyokong kepada pembangunan pelajar secara menyeluruh bagi menghasilkan siswazah berkebolehfungsian (FG) yang memenuhi kehendak pasaran dan memiliki daya saing yang tinggi. (Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara, Fasa 2 (2011-2015)).

SOROTAN LITERATUR

Pembangunan Modal Insan Holistik

Pembentukan modal insan merupakan satu usaha ke arah melahirkan insan mahasiswa yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, memiliki jatidiri, beretika, mempunyai pendidikan, terlatih dan mempunyai pekerjaan yang sewajarnya. Pembentukan modal insan ini mempunyai tujuan pendidikan yang tersendiri hal ini adalah untuk pembangunan sahsiah dan membentuk keupayaan pelajar secara holistik melalui pembelajaran kemahiran khusus, merealisasikan keupayaan intelektual, fizikal dan kerohanian serta melahirkan modal insan yang cemerlang (Dora, Kudus, Hassan & Ali (2008)).

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), tumpuan yang besar diberikan dalam usaha membangunkan modal insan yang holistik, lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran serta memiliki sikap, nilai dan etika yang positif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat (Kerajaan Malaysia, 2006). Manakala Pelan Strategik Pengajian Tinggi Kebangsaan (PSPTK) 2007-2010 yang telah dilancarkan bertujuan untuk mentransformasikan sektor pengajian tinggi negara menghasilkan modal insan kelas pertama serta membangunkan institusi pengajian tinggi bertaraf dunia (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007).

Menurut Jarvis & Parker (2005), 'holistik' dalam konteks pembangunan modal insan tidak terbatas kepada disiplin ilmu dan pementapan kemahiran sahaja, malah turut merangkumi aspek pembangunan minda, spiritual, sahsiah dan etika. Dengan kata lain, pembangunan modal insan turut memberi tumpuan kepada aspek "keinsanan" yang terbina menerusi falsafah hidup, pegangan agama dan dokongan moral. Modal insan dengan ciri-ciri tersebut memenuhi keperluan untuk membolehkan transformasi dan pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia berlaku secara lebih berstruktur. Hal ini disokong oleh Yassin (2013) menyatakan pembangunan modal insan yang terancang akan melahirkan tenaga kerja berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi. Namun, holistik dalam konteks pembangunan modal insan tidak terbatas kepada disiplin ilmu dan pementapan kemahiran sahaja. Tetapi ia merangkumi aspek pembangunan minda, rohani, sahsiah dan etika. Ini bermakna dalam proses membangunkan modal insan, aspek

keinsanan yang perlu dibina menerusi falsafah hidup, pegangan agama dan dukungan moral adalah menjadi kepentingan.

Modal Insan Holistik Menerusi Aktiviti Kokurikulum

Gerak kerja kokurikulum sangat penting dalam proses pendidikan dan pembelajaran pelajar kerana ianya dapat mengimbang dan menyepadukan pembentukan diri pelajar dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah (JERIS). Hal ini sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPK) yang merangkumi tujuan keseluruhan pendidikan Malaysia. Falsafah ini menyatakan bahawa pendidikan merupakan usaha yang berterusan. Pelaksanaan gerak kerja kokurikulum dapat melahirkan iklim dan budaya yang lebih ceria, menyeronokkan dan meninggalkan kesan positif dalam kalangan pelajar (Jamalis & Fauzee (2007). Dalam Bajet 2008 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi ada menyatakan penyertaan pelajar secara aktif dalam kegiatan kokurikulum seperti badan beruniform, persatuan dan kelab serta sukan, adalah penting dalam membantu pembentukan sahsiah dan membina kualiti kepimpinan pelajar.

Menurut Bashir & Hussain (2012), pembentukan pelajar yang holistik memerlukan penglibatan dalam kedua-dua bidang akademik dan kokurikulum. Penglibatan dalam program bukan akademik secara tidak langsung dapat mengimarahkan aktiviti kehidupan kampus. Hal ini turut disokong oleh Yussof, Ismail & Sidin (2008) menyatakan bahawa kokurikulum dan kurikulum merupakan dua unsur yang saling berkait dan lengkap-melengkapi antara satu sama lain di dalam sistem pendidikan Malaysia. Kebanyakan masa diperuntukkan untuk aktiviti pembelajaran sendiri dan kehidupan dalam kampus. Terdapat beberapa faktor yang mendorong penglibatan pelajar kearah kecemerlangan dalam aktiviti di IPT. Antara faktor yang perlu di ambil kira untuk membentuk kecemerlangan pelajar ialah persefahaman antara keperluan dan jangkaan IPT dengan keperluan pelajar. Perkara tersebut melibatkan pembelajaran, perkembangan dan kejayaan mereka (Badusah *et al.*, 2009). Sehubungan dengan itu IPT wajar menawarkan pelbagai peluang untuk menggalakkan penglibatan pelajar. Kajian oleh Creswell (2003) di Amerika Syarikat mendapati bahawa IPT lebih cenderung memaklumkan jangkaan dan keperluan institusi masing-masing, tetapi kurang memberi penekanan terhadap apa-apa yang diharapkan oleh pelajar daripada institusi mereka. Fenomena yang sama juga mungkin berlaku di Malaysia.


Covey (1996) turut memberi penekanan kepada pembaharuan empat dimensi sifat manusia iaitu fizikal, mental, sosio-ekonomi dan rohani. Dimensi fizikal merupakan aspek yang penting dalam penjagaan tubuh badan yang sihat. Dengan tubuh badan yang sihat, mental pelajar akan dapat diperkembangkan. Untuk itu, disiplin luaran daripada bilik darjah seperti aktiviti kokurikulum dapat membina peribadi serta memartabatkan dimensi mental pelajar ke arah kecemerlangan. Dalam keadaan ini, kokurikulum menjadi kesinambungan kepada kurikulum.

Kegiatan kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia mempunyai beberapa wawasan utama iaitu menjadi saluran untuk memupuk perpaduan dan pembentukan pembangunan diri pelajar (Bahagian Kurikulum Teknikal dan vokasional, 2002). Matlamat pelaksanaan kokurikulum ini yang menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan warganegara yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta menyokong Misi Politeknik iaitu untuk mengeluarkan tenaga separa professional berkualiti yang berketerampilan, mempunyai sifat kepimpinan dan jati diri. Hal ini jelas menunjukkan peranan kokurikulum dalam membentuk sahsiah diri pelajar dengan penekanan kemahiran generik (Soft Skills) di politeknik-politeknik di Malaysia adalah relevan.

Model-Model Holistik Kajian

Model Kecerdasan Pelbagai (Multiple Intelligence)

Model ini diperkenalkan Howard Gardner (1983) menerusi bukunya yang bertajuk “Frames of Mind”. Menurut Garner, setiap orang memiliki lapan kecerdasan yang pelbagai iaitu cara di mana individu memberi reaksi dalam cara yang berbeza terhadap jenis kandungan yang berbeza (Rajah 1.0). Modelini mempunyai pengaruh signifikan dalam pendidikan serta membawa kesan penting pembelajaran organisasi. Gardner mengatakan bahawa pendidikan tradisional dengan proses pengujian tradisional (ujian IQ) telah mengabaikan kecerdasan pelbagai manusia. Menurut beliau, kebanyakan ujian IQ hanya mengukur kebolehan verbal atau bahasa dan pemikiran logical atau matematik. Kemahiran lain seperti sosial, interpersonal dan emosi yang membolehkan manusia berfungsi dengan berkesan telah dikecualikan daripada ujian IQ tradisional.




Rajah 1.2: Model Kecerdasan Pelbagai (Garner, 1983).

Model ini mendasari dua prinsip asas iaitu manusia mempunyai kecerdasan yang pelbagai dan semua orang dapat mengembangkan kesemua kecerdasan

ini ke satu tahap yang kompeten (Robert, 2006). Teori ini hasil daripada kajian beliau yang dijalankan terhadap pelbagai lapisan masyarakat yang mempunyai pelbagai kriteria tersendiri dalam kalangan kanak-kanak biasa dan kanak-kanak istimewa. Menurut Gardner (2000), kecerdasan tidak boleh diwarisi semata-mata dan kecerdasan boleh dipengaruhi oleh budaya, persekitaran, peluang pendidikan, makanan, suasana pembelajaran dan lain-lain. Teori ini lebih kepada aspek kognitif dan perkembangan psikologi, antropologi dan sosiologi dalam menjelaskan kecerdasan manusia.

Multidimensional Multilevel Model of Holistic Education - Ramon Gallegos Nava

Hasil kajian yang telah dijalankan oleh Nava (2000) berkaitan “Multi-Dimensional Perspectives of Holistic Education” menunjukkan sekurang-kurangnya terdapat enam dimensi pemikiran dan ekspresi yang perlu diambil kira dalam pengajaran dan pembelajaran (Rajah 1.1).



Rajah 1.1: Model integrasi dalam pendidikan holistik

Dimensi pemikiran dan ekspresi ini boleh digambarkan melalui literasi atau kecerdasan keseluruhan seseorang manusia termasuklah cara pemikiran, pembelajaran dan ekspresi keseluruhan seseorang itu di mana menjadi kunci utama model integrasi dalam pendidikan holistik ini. Jadual 1.0 di bawah menunjukkan ringkasan dimensi pemikiran dan ekspresi. Kesemua dimensi ini boleh didapati melalui penglibatan para pelajar menerusi aktiviti kokurikulum seperti yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT), 2006 melalui Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (KI). Di luar negara, kokurikulum bukan sahaja dapat membangunkan Kemahiran Insaniah pelajar tetapi turut memainkan peranan penting dalam pembangunan kognitif pelajar (McCluskey-Titus, 2003).

Jadual 1.0 : Dimensi pemikiran dan ekspresi

Dimensi	Literasi	Kecerdasan
Kognitif: Proses pemikiran, keupayaan untuk memberi sebab secara logik.	Linguistik, Kuantitatif	Lisan / Linguistik Logik / Matematik
Sosial: Semua pembelajaran yang berlaku dalam sosial.	Sosial	Interpersonal
Emosi: Semua pembelajaran disertai dengan keadaan emosi yang banyak boleh menjejaskan hasil pembelajaran.	Emosi	Emosi
Jasmani/Fizikal: Semua pembelajaran berlaku dalam tubuh fizikal. Keharmonian minda-badan adalah elemen penting dalam kualiti pembelajaran.		Badan / Kinestetik naturalistik

Jadual 1.0 : (sambungan)

Dimensi	Literasi	Kecerdasan
Estetik: Kecantikan merupakan aspek utama kewujudan manusia. Ungkapan seni kehidupan dalaman adalah kunci kepada kehidupan yang bahagia.	Seni	Visual / Ruang Muzik / Irama
Rohani: Jumlah pengalaman jumlah dan rasa cinta sejagat yang menetapkan rasa belas kasihan, persaudaraan dan keamanan terhadap semua makhluk.	Rohani	Rohani

Kokurikulum di IPT merupakan pelengkap kepada kitaran kurikulum pengajian bidang teras. Kokurikulum menumpukan hasil pembelajarannya terhadap pencapaian dalam komponen psikomotor dan afektif di samping kognitif (Badusah *et al.*, 2009). Penekanan kepada komponen tersebut adalah penting ke arah pembentukan modal insan yang holistik. Kurikulum dalam kokurikulum juga dirancang untuk menerapkan kriteria khusus untuk membentuk modal insan menerusi pembangunan elemen-elemen KI (Chi, Chi & Po, 2011). Abd. Rahim(1998) merumuskan bahawa kokurikulum adalah wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani dengan menawarkan pelbagai pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan latihan berteraskan konsep pendidikan dan pembangunan insan yang bersepadu dan menyeluruh.

Kajian yang telah dijalankan oleh Blue & Zoller (2012) mendapati pelajar yang mengambil bahagian dalam kokurikulum pendidikan interprofesional mempunyai sikap yang lebih positif dari segi kemahiran bekerja di dalam kumpulan dan melihatkan nilai kerjasama yang tinggi berbanding pelajar yang tidak mengambil bahagian dalam kokurikulum ini. Hal ini juga turut diperkukuhkan oleh Bashir & Hussain (2012) dalam kajian mereka mengenai kesan kokurikulum terhadap pencapaian akademik pelajar di Pakistan. Kajian mereka membuktikan bahawa bidang kokurikulum telah memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar mencapai kejayaan dalam bidang akademik dengan lebih baik berbanding pelajar yang tidak melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti kokurikulum.

Model Pembelajaran SAVI - Dave Meier


SAVI merupakan salah satu model pembelajaran yang mengatakan pembelajaran perlu menggunakan deria pelajar. Menurut Meier (2000), pembelajaran terbaik berlaku apabila semua bahagian sambungan otak-minda-badan digunakan pada masa yang sama. SAVI menggabungkan pelbagai jenis kecerdasan dan gaya pembelajaran: **S** bermaksud pembelajaran **Somatik**: pembelajaran melibatkan pergerakan dan perbuatan. Pembelajaran somatik melibatkan pergerakan aktif pelajar dari semasa ke semasa seperti penglibatan pelajar dalam sukan bola sepak. **A** bermaksud **Auditori**: pembelajaran melalui percakapan dan pendengaran seperti sesi perbincangan pelajar dalam satu kumpulan untuk menyelesaikan masalah dalam kokurikulum Kelab Kerjaya Dan Kaunseling (KKDK). **V** adalah untuk **Visual**: pembelajaran dengan memerhatikan dan membayangkan. Seterusnya **I** bermaksud **Intelek**: pembelajaran dengan penyelesaian masalah dan memberi tindak balas terhadap masalah yang dihadapi.

Barbara (2011) menyatakan bahawa kelebihan model SAVI antaranya ialah pelajar-pelajar boleh menilai diri sendiri, memahami diri sendiri lebih baik, serta mampu mengubah suai sikap sendiri dengan lebih baik. Menurut Robert, (2006) keinginan pelajar untuk belajar bermula apabila mereka mula berminat dan merasakan terdapat manfaat kepada diri mereka sendiri. Pelajar boleh merealisasikan diri mereka jika mereka mempunyai maklumat baru yang akhirnya memperibadikan maklumat itu ke dalam diri mereka sendiri. Dapatan kajian Rizka (2011) mengenai keupayaan penggunaan model SAVI dalam pembelajaran IPA Siswa Kelas III Sdn Pesanggrahan 02 Kota Batu menunjukkan kesan positif di mana tahap kefahaman para pelajar dalam pembelajaran IPA meningkat. Selain itu,

Model Integrasi Holistik Dalam Latihan Perguruan Pendidikan Teknik Dan Vokasional Di Fakulti Pendidikan UTM.

Model yang diperkenalkan oleh Aripin, Hamzah, Othman & Norihan (2011) yang mengintegrasikan metodologi dalam melaksanakan tuntutan agama yang abstrak dan tetap dengan amalan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) yang menekankan faktor teori, amali, praktikal dan emosi. Model ini telah diguna pakai oleh Malie & Jiniti (2010). Dalam kajian mereka model integrasi

ini mampu memberi penambahbaikan dalam latihan. Berdasarkan daripada rajah 2.8 (Aripin *et al.*, 2011) melaksanakan modelnya berdasarkan kepada empat komponen utama *instructional design* (ID) iaitu pelajar, kaedah, objektif dan evaluasi. Peranan PTV adalah untuk menampilkan kekuatan ilmu dan teknologi yang menjadi aset penting dalam pembangunan ekonomi negara dengan melatih pelajar. Latihan itu diaplikasikan menerusi kaedah pengajaran dan pembelajaran oleh guru yang menyampaikan, berpaksikan kepada agama dalam semua subjek. Begitu juga dalam bidang kokurikulum. Dalam bidang kokurikulum, Integrasi Holistik dimulakan dengan kesedaran peranan tenaga pengajar dan jurulatih yang bersifat horizontal (hubungan fizikal) dan juga (hubungan spiritual) bahawa tenaga pengajar dan jurulatih perlu menyedari pekerjaan sebagai tenaga pengajar dan jurulatih adalah mulia sama seperti para guru yang mengajar di sekolah mahupun pun pensyarah yang mengajr di IPT. Tugas memikul tanggungjawab dan amanah yang berat mesti disandang dan dilaksanakan mengikut perintah Allah. Konsep kesedaran, ketaqwaan dan kejujuran hanya dalam mendidik anak bangsa dengan penuh keikhlasan jika berlaku pelbagai dugaan mestilah para tenaga pengajar, jurulatih mahupun guru sabar menghadapinya.



Rajah 1.2: Inovasi Model Integrasi Holistik Pendidikan Guru PTV.
(Aripin, Hamzah, Othman dan Norihan, 2011)

Model Holistik ini, mengintegrasikan Pembangunan Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) dengan Pendidikan Spiritual (Agama) terhadap guru yang sedang menjalani latihan perguruan dalam bidang Teknik dan Vokasional. Model ini juga turut digunakan oleh Wahid *et. al* (2008) dalam kajian mengenai pembangunan modal insan di Sekolah Menengah Agama di Selangor.

Kesan Positif Penglibatan Pelajar Dalam Kokurikulum

Kokurikulum sememangnya memainkan peranan yang penting dalam pembentukan rohani, emosi dan jasmani (Habib *et al.*, 2011). Melalui kokurikulum, keperluan minda dan fizikal pelajar boleh dibentuk menerusi aktiviti luar bilik darjah seperti permainan dan persatuan bagi menghasilkan pelajar yang memiliki tubuh badan yang sihat dan cergas (Ismat & Saleem, 2012). Mohd Tahir & Othman (2010) dalam kajiannya menyatakan kokurikulum merupakan wadah paling berkesan untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) secara holistik terutamanya dalam konteks melahirkan pelajar seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang akhirnya dapat mewujudkan sumber manusia berkemahiran tinggi serta bersifat holistik di Malaysia. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa aspek kepimpinan dari segi sahsiah diri berada pada tahap tinggi iaitu merupakan aspek penting yang mempengaruhi seseorang pelajar dalam pemilihan menyertai aktiviti kokurikulum.

Hal ini turut disokong oleh Abdul Rahman (2004), penglibatan pelajar secara aktif dalam bidang kokurikulum memberi kesan kepada tahap pencapaian pelajar dalam bidang akademiknya. Kajian beliau meliputi beberapa aspek tertentu seperti peringkat penglibatan, sikap pelajar terhadap aktiviti yang dirancang, pengurusan masa, minat dan tanggungjawab mereka terhadap kegiatan kokurikulum dan pencapaian akademik mereka. Kajian tersebut terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan peralihan hingga ke tingkatan lima. Dapatan kajian mendapati pelajar-pelajar yang aktif dalam aktiviti kokurikulum juga mempunyai pencapaian yang baik dalam akademik. Aktiviti-aktiviti yang disertai oleh pelajar-pelajar tersebut jelas tidak memberi kesan yang buruk terhadap pencapaian akademik mereka. Hasil dapatan ini adalah seiring dengan ciri-ciri yang ada pada modal insan holistik iaitu intelek.

RUMUSAN

Kecemerlangan mahasiswa tidak hanya diukur dari segi pencapaian akademik semata-mata. Sebaliknya kecemerlangan mahasiswa perlu dilihat dalam perspektif yang seimbang dan menyeluruh sesuai dengan matlamat dan prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pendidikan Tinggi bukan sahaja merupakan janakuasa yang mendorong pembangunan dan kemajuan negara, bahkan dianggap juga sebagai lambang dan ukuran untuk menilai sejauh mana sesebuah negara mencapai kemajuan. Tajul Ariffin dan Nor Aini (2002) berpendapat, pendidikan yang berlandaskan FPK akan dapat menyediakan asas yang cukup kukuh iaitu generasi berilmu untuk merealisasi dan menjayakan wawasan negara demi untuk pembangunan yang sejahtera.

Dalam pada itu, Foubert & Grainger (2006) menyatakan latihan IPT yang baik haruslah terdiri daripada bahagian personal dan profesional yang memberi peluang kepada pelajar untuk membina sosialisasi dengan mendapat kemahiran, sikap dan nilai. Ini disokong oleh Mohd Yusof (2005) dan Callan (2003), bahawa pelajar perlu diberikan peluang dan pendedahan yang sesuai untuk mengembangkan potensi diri terutama dari segi kepimpinan dan pembinaan sahsiah serta personaliti positif sebagai langkah melahirkan bakal-

bakal mahasiswa yang berkualiti, berketrampilan dan berdaya saing. Menurut Sara & Samir (2008), Modal Insan Berkualiti (MIK) serta bersifat holistik tidak saja memiliki upaya ilmu dan ketrampilan yang sifatnya semasa dan canggih tetapi ia tidak menolak kepentingan nilai, akhlak sebagai asas pedoman (Zaini, 2009). Selaras dengan itu, transformasi Politeknik merupakan usaha strategik Jabatan Pengajian Politeknik yang dirangka khas selari dengan tujuh teras Pelan Pembangunan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) serta berkesinambungan dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Kokurikulum merupakan pelengkap kepada agenda-agenda ini dengan melahirkan modal insan holistik yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Dalam konteks ini, mengikut Silins dan Mulford (2002) dan Piven dan Pak (2006), keperluan universiti untuk menerima perubahan, memperbaiki dan bertindakbalas kepada keperluan masyarakat bergantung kepada kapasiti dan kesinambungan pembelajaran. Ini kerana menurut Rafidah dan Noh (2006) dan Tajul Ariffin dan Nor' Aini (2005), salah satu aspek penting dalam menghasilkan graduan yang berkualiti ialah dengan memberi penekanan kepada usaha-usaha pembangunan mahasiswa yang seimbang dari segi intelek, emosi dan keperibadiannya. Menurut Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) (2007), matlamat pengajian tinggi ialah untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian serta berkemampuan untuk menggunakan pengetahuan kepada amalan.

RUJUKAN

- Abdullah Ahmad Badawi (2007). *Ucapan Bajet Tahun 2008*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.12-13.
- Abdul Rahim, A. A. (1998). *Pengurusan Kokurikulum*. Edisi Ketujuh. Selangor, Malaysia: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman, A. (2004). *Penglibatan Pelajar Secara Aktif Dalam Aktiviti Kokurikulum Dan Kesannya Keatas Pencapaian Akademik. Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nanas, Pontian*. UniversitiTeknologi Malaysia. Dicapai Pada Disember 1, 2011 dari <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/pdf/fail/ptkghdfwp/aminudinbp010123d2004tpp.pdf>.
- Adnan Khamis (1990). *Sikap pelajar terhadap kegiatan kokurikulum Pergerakan Beruniform. Satu kajian awal*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aripin, M.A., Hamzah, R., Othman, M. Z. & Norihan, I.S. (2011). Modul Integrasi Holistik Dalam Latihan Perguruan Pendidikan Teknik Dan Vokasional DiFakulti Pendidikan UTM. *Prosiding Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA 2011*. Universiti Putra Malaysia: 583-594.
- Aziah Ismail, Sufean Hussin & Abdul Ghani Abdullah (2007). Agenda Pembangunan Universiti Awam di Malaysia dalam Usaha Memperkasakan Modal Insan Negara dalam Monograf Pengajaran & Pembelajaran IPTA, *Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran*.

- Hotel Palace of Golden Horses, Seri Kembangan, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Badusah, J., Awang Hashim, R., Konting, M. M., Saundi, T., M. & Yusof, N (2009). *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Barbara (2011). *Being savvy about SAVI (and accelerated learning)*. Dicapai pada Januari 12, 2014, dari <http://www.dashe.com/blog/performance-support/being-savvy-about-savi-and-accelerated-learning/>
- Bashir, Z. & Hussain, S. (2012). The Effectiveness of Co-curricular Activities on Academic Achievements of Secondary School Students in District Abbottabad Pakistan - A Case Study. *Journal of Education and Practice*, 3(1), 44-48.
- Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional (2000). *Politeknik-Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia: Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia. 1-5.
- Berg. Elisabeth (2001). To Be or Not to Be – A Lecturer in Higher Education in Sweden. *International Journal of Sociology and Social Policy*. Vol 21. Number 11/12.
- Blue, AV, Zoller, JS. (2012). *Promoting Interprofessional Collaboration Through the Co-Curricular Environment*. *Health and Interprofessional Practice* 1(2): eP1015. Dicapai pada April 15, 2012, dari <http://commons.pacificu.edu/hip/vol1/iss2/5>
- Buku Panduan Kokurikulum (2009/2010). Pusat kokurikulum Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dicapai pada Disember. 1, 2013 dari http://pkq.upsi.edu.my/v2/images/buku_panduan.pdf.
- Callan, V. J. (2003). *Generic Skills: Understanding Vocational Education and Training Teacher and Student Attitudes*. 3rd ed. South Australia: National Centre of Vocational Education Research (NVCER) Ltd
- Chek Pi & Omar Fauzi. (2002). *Kokurikulum Menjana Ke Arah Keseimbangan Pelajar*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 40-45.
- Chi, H. L., Chi, W. R. N. & Po, O. E. C. (2011). Can Co-curricular Activities Enhance the Learning Effectiveness of Students?: An Application to the Sub-degree Students in Hong Kong. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 23(3), 329-341.
- Covey, R. S. (1996). *7 Tabiat Orang Yang Amat Berkesan*. Petaling Jaya, Prentice Hall (M) Sdn Bhd.
- Creswell, J. (2003). *Research Design* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- David, L. (2004). *Higher -Order Thinking: The Multiple Intelligence Way*. United Kingdom: Crown House Publishing Limited.
- Dora, M.T., Kudus, N., Hassan, M.A. & Ali, R. (2008). *Kemahiran Insaniah: 7 Kompetensi Unggul Mahasiswa*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka : Penerbit Universiti UTEM.
- Foubert, J.D. & Grainger, L. U. (2006). Effects of Involvement in Clubs and Organizations on the Psychosocial Development of First-Year and Senior College Student. *NASPA Journal*, 43(1). Dicapai pada November 23, 2011 dari <http://okstate.academia.edu/JohnFoubert/Papers/90869/.pdf>.

- Gardner, H. (2006). *Multiple Intelligences: New Horizons*. London: Basic Books.
- Gardner, H. (1983). *Frames of Mind. New Horizons*. London: Basic Books.
- Habib, M. B., Nadeem, M. A., Aslam, H. D., Mukhtar Ahmad, M. & Hussain, Z. (2011). Assessing the Role and Importance of Co-curricular Activities in Special People (Deaf) Learning at Elementary Level. *International Journal of Business and Social Science*, 2(11), 165-172.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Jamalis, M. & Fauzee, M. O. (2007). Developing Human Value Through Extra Curricular Activities. *Journal of Human and Adult Learning*, 3(1).
- Jarvis, P. & Parker, S. (2005), *Human Learning : An Holistic Approach*. London: Taylor & Francis.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2007: Bab 5 Membangunkan Modal Insan*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Knight, P. T. & Yorke, M. (2003). *The society for research into higher education: Assessment, learning and employability*. New York: McGraw Hill Education.
- Malie, Y. dan Jiniti (2010). Disgrafia Dan Cara Membantu: Kajian Kes Ke Atas Murid Program Integrasi Pendidikan Khas. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL*. 4, 1-22.
- Meier, D. (2003). *The Accelerated Learning Handbook*. America: McGraw-Hill Companies.
- McIntosh, S. (2008). *Education and employment in OECD countries*. Paris: United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.
- Mohd Tahir, L. & Othman, O. (2010). *Keperluan Aktiviti Kokurikulum (Beruniform) Kepada Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Langkawi*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana. Dicapai pada Oktober 14, 2011 dari http://eprints.utm.my/11595/1/KeperluanAktiviti_Kokurikulum.pdf.
- Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (2006). Universiti Putra Malaysia
- Mohaney, J. L., Cairos, B.D., Farwer, T.W (2003). Promoting Interpersonal Competencies and Educational Success through Extra-Curricular Activity Participation, *Journal of Educational Psychology*, 95, 409-418.
- Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara Fasa 1 (2007–2010). Mencetus Transformasi Pengajian Tinggi. Dicapai pada 10 Mac 2013 dari <http://www.mohe.gov.my>.
- Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara Fasa 2 (2011–2015). Mencetus Transformasi Pengajian Tinggi. Dicapai pada 10 Mac 2013 dari <http://www.mohe.gov.my>.

- Piven. G. dan Pak. Iu. (2006). Higher Education in Kazakhstan and the Bologna Process. *Russian Education and Society*, vol 48. No. 10 October
- Punch, K. F. (2001). *Developing Effective Research Proposals*. London: Sage.
- Puteh, S. (2006). *Pengurusan Kokurikulum: Modul Pengajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rancangan Malaysia Kesembilan (2006). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Robert, E. S. (2006). *Educational Psychology : Theory And Practice*. 8th ed. Pearson International Edition.
- Ramon Gallegos Nava (2010). Being in unity with the spiritual intelligence Trilogy I. *International Foundation for Holistic Education*, Guadalajara.
- Rizka E. A. (2011). *Upaya Meningkatkan Pembelajaran Ipa Melalui Penerapan Model Pembelajaran Savi (Somatis Auditori Visual Intelektual) Pada Siswa Kelas Iii Sdn Pesanggrahan 02 Kota Batu*. Bandung. Dicapai pada Disember 23, 2013 dari <http://karya-ilmiah.um.ac.id/index.php/KSDP/article/view/12164>
- Rogers, Alan (2005). *Non-formal Education : Flexible schooling or participatory education?* New York : Springer Science Business Media, Inc.
- Rohana Yusof (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong : PTS Pub. & Dis
- Silins. Halia dan Mulford. Bill. (2002). Schools as learning organisations : The case for system, teacher and student learning. *Journal of Educational Administration*. Vol 40. No 5, 2002. pp.425-226.
- Sara Shakilla Mohd Salima dan Samir Muhazzab Amin (2008). Keperluan Modal Insan Dalam Organisasi Kumpulan. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008
- Sufean bin Hussin (2002). *Agenda Politik Pembinaan Negara Dan Dasar-Dasar Pendidikan: Satu Imbasan Am*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan (2002). *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Wahid, H., Awang, J., Ismail, R., Salleh, K., & Abdul Kadir, M. A., (2008). *Pembangunan Modal Insan Melalui Sekolah Agama: Satu Kajian Awal di Sekolah Menengah Agama Bamdar Baru Salak Tinggi Selangor*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yassin, M. (2013, Februari 2). Keseimbangan Modal Insan Perlu Relevan. *Utusan Online*. Dicapai pada September 12, 2013 dari http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130402/dn_02/Keseimbangan-modal-insan-perlu-relevan#ixzz2h0wRHl6J
- Yusuf, I., Ismail, R. & Sidin, R. (2008). *Graduan dan Alam Pekerjaan: Kes Siswazah UKM Graduates and Employment: The Case of UKM's Graduates*. *Akademika* 72 (Januari) 2008. Dicapai pada Mac, 19, 2012 dari [http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIK A 72/akademika72\[01\].pdf](http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIK A 72/akademika72[01].pdf).
- Mohd Yusof Hj. Othman (2005). "Pembinaan Konseptual dalam Pembelajaran di IPT" dalam *Mahasiswa Abad 21*. Bangi : UKM.
- Zaini Ujang (2009). *Mengangkasa Pengajian Tinggi*. Skudai: Penerbit UTM.